

YB SAPP kena tindakan jika undi tidak percaya

B-H 21/06/88 M/S 2

Usul bertentangan dasar BN dianggap langgar disiplin: Najib

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA: Ahli Parlimen Parti Maju Sabah (SAPP) akan dikenakan tindakan disiplin jika membuat atau menyokong usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, atau sebarang usul yang bertentangan dengan dasar Barisan Nasional (BN), kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Ketua Whip BN, berkata bentuk tindakan bergantung kepada perlakuan SAPP dan Ahli Parlimennya kerana sebarang percubaan untuk membuat atau menyokong usul itu boleh dianggap sebagai melanggar disiplin parti.

"Dari segi peranan Pejabat Whip, jelas dasar BN yang ada kaitan dengan perilaku setiap Ahli Parlimen ialah untuk tidak membuat sesuatu usul yang bertentangan dengan kepentingan dan maruah BN.

"Jika dua Ahli Parlimen SAPP teruskan tindakan mereka dalam Parlimen, bererti itu adalah pelanggaran disiplin BN.

"Secara teknikal, mereka tidak boleh berbuat sedemikian kerana tiada peruntukan untuk undi tidak percaya (terhadap Perdana Menteri). Ia mungkin tidak berlaku tetapi sebarang percubaan seperti itu di Parlimen boleh dianggap sebagai melanggar disiplin BN," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas memengerusi-

kan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan dan Kemudahan Infrastruktur di sini, semalam.

Najib diminta mengulas keputusan Majlis Tertinggi SAPP semalam untuk memberi sokongan kepada undi tidak percaya kepada kepimpinan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, Isnin ini.

Rabu lalu, Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee, mengisytiharkan parti itu hilang kepercayaan terhadap Perdana Menteri dan dua Ahli Parlimennya, Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepangar) dan Datuk Dr Chua Soon Bui (Tawau), akan menyokong usul undi tidak percaya terhadap Abdullah pada sidang Dewan Rakyat, Isnin ini.

Ditanya apakah tindakan yang akan dikenakan terhadap SAPP, Najib yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata Dewan Tertinggi BN akan memutuskan tindakan sewajarnya jika parti itu meneruskan perbuatan itu.

"Dewan Tertinggi BN berkuasa penuh untuk buat apa-apa keputusan berhubung dengan tindak tanduk sebarang parti komponen BN," katanya.

Kelmarin, Dewan Tertinggi BN yang mengadakan mesyuarat tergempar menagguhkan keputusan berhubung tindakan yang akan diambil terhadap SAPP sehingga Majlis Tertinggi parti itu mengesahkan atau menafikan kesahihan kenyataan Yong



BERI PERHATIAN: Najib berbincang dengan Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Khalid Ramli ketika mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaburan dan Kemudahan Infrastruktur di Putrajaya, semalam.

“ Mereka tidak boleh buat undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri kerana tiada peruntukan ”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

Ditanya apakah tindakan SAPP itu disebabkan kelewatan peralihan kuasa yang dipersetujui di antara beliau dan Abdullah, Najib berkata ia tiada kaitan.

"Tidak, itu adalah dua isu berasingan. Mereka (SAPP) tidak boleh melakukan sesuatu yang tidak betul. Apa pun keputusan, keinginan, pendapat yang mereka buat, ia tidak boleh menyalahi disiplin BN. BN adalah institusi dengan prosedur jelas," katanya